

Tadbir Urus Kami

Amalan Tadbir Urus

PIDM komited terhadap amalan tadbir urus yang baik untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti. Amalan ini memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan dan memastikan pelaksanaan mandat kami.

Penanda Aras dan Standard

PIDM menanda aras amalan tadbir urusnya dengan amalan terbaik di peringkat dalam negara dan antarabangsa. Ini termasuk amalan yang digariskan dalam Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan dan Garis Panduan Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan oleh Kementerian Kewangan,¹ dan *Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems* oleh International Association of Deposit Insurers (IADI).

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah PIDM memperincikan peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah (Lembaga Pengarah) serta pengurusan kanan (Pengurusan) berkaitan tadbir urus korporat. Polisi ini ditanda aras berdasarkan amalan terbaik yang berkenaan dan menjelaskan jangkaan Lembaga Pengarah terhadap Pengurusan, serta peranan Lembaga Pengarah dalam menetapkan hala tuju strategik PIDM dan melaksanakan fungsi pengawasan dan kawalan.

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah	Penyata komitmen terhadap tadbir urus korporat yang baik dan menggariskan tanggungjawab Menerima pakai amalan tadbir urus korporat terbaik dalam konteks objektif berkanun, urusan dan hal ehwal PIDM Dokumen akauntabiliti utama Lembaga Pengarah dalam melaporkan standard tadbir urusnya
--	--

Penilaian prestasi tahunan berdasarkan standard yang ditetapkan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah diterbitkan dalam Penyata Tadbir Urus, yang boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Pendekatan Tadbir Urus dan Akauntabiliti


Ketelusan berkaitan kemajuan PIDM terhadap inisiatif yang dirancang membolehkan pihak berkepentingan membuat penilaian tentang prestasi serta keupayaan PIDM dalam melaksanakan tanggungjawab berkanunnya. Rancangan korporat dan laporan berkaitan kemajuan inisiatif berbanding rancangan korporat dibentangkan dalam laporan tahunan PIDM. Selain membina modal sosial dan intelektual, penerapan amalan tadbir urus oleh PIDM turut memastikan akauntabiliti ketika melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan.

PIDM mematuhi keperluan Syariah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful, serta ketika melaksanakan tindakan intervensi dan resolusi kegagalan bagi institusi perbankan Islam dan pengendali takaful. Bagi menjamin kepatuhan terhadap keperluan Syariah dalam melaksanakan tanggungjawab ini, PIDM berpandukan kepada ketetapan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM).

¹ Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024

Struktur Tadbir Urus

Struktur tadbir urus PIDM ditunjukkan dalam gambar rajah berikut.



Parlimen dan Menteri Kewangan

Menurut Akta PIDM,² PIDM bertanggungjawab untuk melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Dalam melaksanakan mandatnya, PIDM beroperasi berlandaskan struktur tadbir urus yang mantap serta rangka kerja perundangan yang memberikan kebebasan operasi, seperti yang disarankan oleh IADI. Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems³ oleh IADI menekankan bahawa "tadbir urus yang mantap dalam kalangan agensi yang membentuk jaring keselamatan sistem kewangan akan memperkukuh struktur sistem kewangan dan secara langsung menyumbang kepada kestabilan sistem tersebut".

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi pengendalian urusan dan hal ehwal PIDM secara keseluruhan serta memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, terutamanya berkaitan etika, budaya, dan standard tingkah laku.

PIDM ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada sembilan ahli, termasuk dua pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, serta tujuh pengarah lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan daripada sektor awam dan swasta.

Datuk Abu Huraira Abu Yazid kini berkhidmat sebagai Pengerusi PIDM selepas pelantikan beliau pada 15 November 2025. Beliau menggantikan Dato Sri (Dr) Zukri Samat yang bersara daripada Lembaga Pengarah pada 30 Oktober 2025.

Encik Razali Othman telah dilantik sebagai pengarah sektor awam pada 1 April 2025, manakala Encik Toi See Jong pula dilantik sebagai pengarah sektor swasta pada 3 Februari 2026.

Puan Gloria Goh Ewe Gim telah bersara daripada Lembaga Pengarah pada 2 Februari 2026.

² Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (sebagaimana dipinda oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011)

³ Rujuk laman web IADI di www.iadi.org

Pengarah *ex officio* boleh melantik pengarah silih ganti daripada organisasi masing-masing. Sekiranya seseorang pengarah *ex officio* tidak dapat menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah, pengarah silih ganti tersebut akan hadir bagi pihak beliau.

Encik Aznan Abdul Aziz telah dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada Gabenor BNM pada 9 Mei 2025, manakala Encik Imri Dolhadi Ab Wahab telah dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 1 April 2025.

Rujuk halaman 21 Laporan Tahunan ini untuk maklumat lanjut mengenai Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah PIDM terdiri daripada individu yang mempunyai kepelbagaian kemahiran dan pengalaman, bagi memastikan mereka berkeupayaan membuat pertimbangan yang seimbang serta keputusan yang efektif. Komposisi kemahiran dan pengalaman tersebut ditunjukkan dalam gambar rajah di sebelah.



Pada tahun 2025, rekod kehadiran ahli dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut.

Lembaga Pengarah	Kehadiran Mesyuarat				
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran	Jawatankuasa Perancangan Penggantian
Datuk Abu Huraira Abu Yazid	1/1	-	-	-	-
Dato Sri (Dr) Zukri Samat	6/6	-	-	-	-
Dato' Sri Abdul Rasheed Ghaffour	7/7	-	-	-	-
Datuk Johan Mahmood Merican	6/7	-	-	-	-
Datuk Dr. Yacob Mustafa	7/7	7/7	-	-	-
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	7/7	-	2/2	2/2	3/3
Dato' Dr. Gan Wee Beng	6/7	7/7	-	2/2	3/3
Puan Gloria Goh Ewe Gim	7/7	7/7	2/2	-	3/3
Encik Lee Kong Eng	7/7	7/7	-	2/2	-
Encik Razali Othman	4/5	-	1/1	-	-

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada tahun 2025 adalah seperti berikut.

Jawatankuasa Audit Bertanggungjawab memastikan prinsip dan amalan pengauditan serta perakaunan selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa dan Malaysia, serta mematuhi semua keperluan perundangan	
Pengerusi Puan Gloria Goh Ewe Gim	Ahli Encik Lee Kong Eng (Naib Pengerusi) Datuk Dr. Yacob Mustafa Dato' Dr. Gan Wee Beng

Puan Gloria Goh Ewe Gim telah bersara sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 2 Februari 2026 dan Encik Lee Kong Eng telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 3 Februari 2026 setelah Puan Gloria Goh Ewe Gim bersara.

Jawatankuasa Tadbir Urus Bertanggungjawab mengarahkan pelaksanaan serta pematuhan prinsip tadbir urus korporat yang mantap dalam PIDM	
Pengerusi Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Ahli Puan Gloria Goh Ewe Gim Encik Razali Othman

Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran Bertanggungjawab memastikan PIDM mempunyai polisi modal insan yang adil dan saksama bagi menarik serta mengekalkan kakitangan dengan kepakaran dan kelayakan yang sesuai	
Pengerusi Dato' Dr. Gan Wee Beng	Ahli Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood Encik Lee Kong Eng

Jawatankuasa Perancangan Penggantian Bertanggungjawab memberi nasihat dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai Perancangan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif	
Pengerusi Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Ahli Puan Gloria Goh Ewe Gim Dato' Dr. Gan Wee Beng

Rujuk halaman 24 dalam Laporan Tahunan ini untuk perincian kerja Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap pentadbiran harian dan hal ehwal PIDM.⁴ Ketua Pegawai Eksekutif mengetuai Pengurusan PIDM, yang bertanggungjawab menterjemahkan hala tuju Lembaga Pengarah kepada tindakan serta mengurus operasi harian PIDM. Di samping itu, Pengurusan juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab tadbir urusnya.

Pembahagian peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan diperincikan dengan jelas dalam Akta PIDM, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah serta Undang-undang Kecil Korporat. Secara amnya, Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengendalian operasi dan hal ehwal PIDM dan menurut peruntukan Akta PIDM, diberikan autoriti penuh untuk melaksanakan semua kuasa serta melakukan segala perbuatan yang boleh dilaksanakan atau dilakukan oleh PIDM.⁵

Rujuk halaman 22 dalam Laporan Tahunan ini untuk maklumat mengenai struktur organisasi PIDM secara keseluruhan.


⁴ Seksyen 19 Akta PIDM

⁵ Subseksyen 11(1) dan Seksyen 25 Akta PIDM secara khusus memperuntukkan kuasa dan fungsi Perbadanan (PIDM)

Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Kawalan – Menerima Pakai Model Tiga Barisan Pertahanan

PIDM menerima pakai model tiga barisan pertahanan yang menetapkan akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas merentasi pelbagai fungsi dalam organisasi. Setiap barisan memainkan peranan tersendiri dalam memperkukuh pemantauan dan pengurusan risiko. Pengurusan PIDM, yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, bertanggungjawab melaksanakan dan mengekalkan proses yang mantap, kawalan dalaman yang kukuh serta amalan pengurusan risiko yang efektif bagi menyokong standard tadbir urus yang tinggi dalam PIDM.

Proses tadbir urus PIDM ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah.



Barisan Pertahanan Pertama – Pengurusan

Pengurusan memastikan bahawa PIDM mempunyai persekitaran kawalan yang kukuh bagi menyokong pengurusan operasi dan risiko yang dihadapi secara berhemat, di samping menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi. Pengurusan berpandukan kepada Rangka Kerja Kawalan Dalaman yang dibangunkan berasaskan *COSO⁶ Internal Control – Integrated Framework* (Rangka Kerja COSO) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kawalan dalaman PIDM diterapkan dalam semua aktiviti berkaitan pengurusan sistem perlindungan yang ditadbir oleh PIDM. Ini merangkumi kod etika, keperluan pengisytiharan konflik kepentingan dan aset, polisi pendedahan maklumat, serta polisi dan prosedur yang mengawal proses-proses utama organisasi.

⁶ Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission

Sepanjang tahun 2025, Pengurusan terus memastikan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM. Secara khusus, PIDM telah memperkukuh daya tahan organisasi terhadap ancaman keselamatan siber yang sentiasa berubah serta menambah baik amalan tadbir urus melalui pengekalan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management Systems – ISMS*) ISO/IEC 27001.⁷ Ini dicapai menerusi pelaksanaan audit pemantauan oleh badan pensijilan bebas, susulan latihan pensijilan semula yang telah dijalankan pada tahun 2024. Inisiatif ini mencerminkan komitmen PIDM untuk menyelaraskan amalan organisasinya dengan standard keselamatan maklumat yang diiktiraf di peringkat global, bagi memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data sensitif serta mengurangkan ancaman siber baharu yang muncul secara proaktif.

PIDM juga mempunyai proses dalaman untuk mengenal pasti pihak berkaitan dan memantau transaksi yang dijalankan supaya pelaksanaannya dilakukan secara adil dan telus. Sebarang pengecualian daripada keperluan ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan. Di samping itu, Lembaga Pengarah dan Pengurusan juga dikehendaki mendedahkan sebarang kepentingan kewangan atau hubungan dengan pihak berkaitan. Lembaga Pengarah juga dilarang daripada mengambil bahagian dalam kelulusan sebarang keputusan yang melibatkan diri mereka atau pihak berkaitan dalam transaksi yang dijalankan.

Barisan Pertahanan Kedua – Fungsi Pengurusan Risiko

Di PIDM, barisan pertahanan kedua merangkumi fungsi-fungsi pengurusan risiko dan tadbir urus, iaitu pengurusan risiko organisasi, integriti dan tadbir urus, pengurusan dan keselamatan maklumat, serta pematuhan Syariah. Fungsi-fungsi ini berperanan memantau aktiviti pengurusan risiko yang dijalankan oleh barisan pertahanan pertama.

Pengurusan Risiko Organisasi. Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Jabatan Pengurusan Risiko Organisasi menerajui pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi, yang membolehkan pengurusan risiko dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu. Jabatan ini turut membantu Pengurusan mengenal pasti, menilai dan menangani risiko yang berpotensi menjejaskan keupayaan PIDM untuk melaksanakan mandatnya. Bagi memastikan kekukuhan pelaksanaannya, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi tersebut ditanda aras secara berkala dengan standard antarabangsa yang diiktiraf di peringkat global, termasuk Rangka Kerja COSO dan International Organisation for Standardisation (ISO) 31000:2018.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan menggalakkan budaya kesedaran risiko bagi memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi diterapkan sepenuhnya dalam struktur organisasi, proses kerja serta membuat keputusan bagi PIDM. Laporan Risiko Tahunan Lembaga Pengarah, yang menyediakan penilaian menyeluruh terhadap profil risiko PIDM dan plan tindakan berkaitan, dibincangkan dan diperhalusi dalam mesyuarat khas Jawatankuasa Audit yang memberi tumpuan kepada risiko sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Faktor risiko dinilai merentasi pelbagai kategori risiko, dan risiko yang lebih signifikan diteliti secara terperinci bagi memastikan pelan tindakan tertumpu kepada usaha menangani risiko tersebut serta sejajar dengan strategi dan inisiatif korporat PIDM.⁸

Integriti dan Tadbir Urus. Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Jabatan Integriti dan Tadbir Urus melaksanakan Program Pematuhan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang merangkumi pematuhan terhadap undang-undang serta obligasi kontrak yang terpakai kepada PIDM, di samping kod tata laku, polisi, prosedur dan garis panduan berkaitan yang perlu dipatuhi oleh kakitangan PIDM. Jabatan Integriti dan Tadbir Urus juga mengurus risiko rasuah serta memupuk budaya etika dan integriti dalam PIDM. Jabatan ini juga memaklumkan kepada Jawatankuasa Audit secara tahunan mengenai risiko rasuah dan pengurusannya, termasuk kemajuan pelaksanaan inisiatif dan aktiviti di bawah Program Pematuhan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

PIDM telah melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi kedua pada tahun 2025. Pelan Antirasuah Organisasi 2025 – 2029 telah dibangunkan sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus PIDM bagi menangani risiko berkaitan rasuah, kekurangan integriti dan kelemahan tadbir urus. Pembangunan pelan ini berpandukan Rangka Kerja Penilaian Risiko Rasuah PIDM, yang menilai risiko rasuah di peringkat seluruh organisasi serta mengenal pasti strategi dan inisiatif yang bersesuaian untuk tempoh lima tahun akan datang. Pelan ini juga memperkukuh pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024 – 2028 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2024.

Pengurusan dan Keselamatan Maklumat. Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan bertanggungjawab menyediakan pengawasan terhadap operasi keselamatan siber PIDM, dengan sokongan Jabatan Pengurusan dan Keselamatan Maklumat. Pengawasan ini merangkumi semakan berkala terhadap kecukupan dan keberkesanan infrastruktur, proses serta amalan keselamatan siber PIDM, yang dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti penilaian seperti Penilaian Kerentanan dan Ujian Penetrasi (*Vulnerability Assessment and Penetration Testing*), aktiviti *red-teaming* serta latihan simulasi serangan siber yang merangkumi pelbagai senario.

⁷ International Organisation for Standardisation (ISO) / International Electrotechnical Commission (IEC)

⁸ Risiko utama dibincangkan dalam Risiko dan Perkara-Perkara Material di www.pidm.gov.my

Inisiatif ini memastikan strategi dan infrastruktur keselamatan siber PIDM kekal berdaya tahan serta mudah suai terhadap landskap ancaman siber yang sentiasa berubah. Keputusan penilaian keberkesanan kawalan ini dilaporkan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

Syariah. Fungsi ini diterajui oleh Ketua Unit Resolusi Islamik. Unit Resolusi Islamik memudah cara pengenalpastian, pemantauan dan pengurusan risiko Syariah secara proaktif di seluruh PIDM. Unit Resolusi Islamik juga bertanggungjawab untuk menggubal polisi dan kawalan yang berkaitan, melaksanakan penilaian risiko Syariah, menjalankan program latihan dan inisiatif kesedaran, serta menggalakkan pematuan terhadap keperluan Syariah dalam operasi PIDM.

Unit Resolusi Islamik bekerjasama rapat dengan Pengurusan sebagai barisan pertahanan pertama bagi memastikan pematuan Syariah. Ini termasuk pemberian nasihat, panduan dan sokongan berkaitan penerapan prinsip-prinsip Syariah dalam operasi harian serta dalam pelaksanaan mandat PIDM.

Setiap tahun, Unit Resolusi Islamik mengemukakan Laporan Risiko Syariah kepada Jawatankuasa Audit yang menggariskan risiko Syariah yang dikenal pasti serta mengemas kini status dan kemajuan pelaksanaan pelan tindakan bagi menangani risiko-risiko tersebut.

Barisan Pertahanan Ketiga – Audit

Barisan pertahanan terakhir merangkumi fungsi audit yang bertujuan untuk mengaudit keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM.

Audit Dalaman. Ketua Juruaudit Dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Jabatan Audit Dalaman berfungsi sebagai entiti audit dalaman yang bebas dan menyediakan pengauditan munasabah bahawa sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko PIDM adalah efektif.

Pada tahun 2025, Jabatan Audit Dalaman melaksanakan semakan semula dan pemantapan kualiti pengauditan dan program penambahbaikan bagi memastikan ia selaras dengan Manual Penilaian Kualiti (*Quality Assessment Manual*) 2024⁹ yang dikeluarkan oleh Institute of Internal Auditors pada September 2024 dan yang menggabungkan keperluan Standard Audit Dalaman Global. Di samping itu, Jabatan Audit Dalaman turut melaksanakan penilaian jurang peringkat tinggi bagi menilai tahap pematuan terhadap Standard Audit Dalaman Global. Penilaian ini merangkumi semua domain Standard Audit Dalaman Global untuk mengenal pasti aspek ketidakpatuhan serta peluang penambahbaikan, seterusnya menyokong peralihan Jabatan Audit Dalaman ke arah pematuan penuh terhadap Standard Audit Dalaman Global dan meningkatkan keberkesanan keseluruhan fungsi audit dalaman PIDM.

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, meneliti laporan audit dalaman yang disediakan oleh Jabatan Audit Dalaman secara berkala. Laporan-laporan ini memberikan jaminan munasabah kepada Jawatankuasa Audit berhubung keberkesanan pemantauan dan pematuan terhadap kawalan dalaman, integriti sistem PIDM serta kesesuaian tindakan yang diambil bagi menangani sebarang kelemahan kawalan dalaman yang signifikan yang dikenal pasti.

Sepanjang tahun ini, tiada insiden yang menunjukkan kelemahan atau kekurangan yang ketara telah dilaporkan berkaitan kecukupan dan integriti pengurusan risiko serta kawalan dalaman yang diterapkan dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM. Perincian mengenai kerja-kerja berkaitan kawalan dalaman yang dilaksanakan boleh dirujuk dalam ringkasan bidang kerja utama Jawatankuasa Audit yang terkandung dalam Penyata Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.

Audit Luaran. Penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara selaras dengan Akta Audit 1957. Lembaga Pengarah meluluskan pengemukaan penyata kewangan belum diaudit kepada Jabatan Audit Negara untuk diperiksa berdasarkan standard pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan International Standards of Supreme Audit Institutions yang terpakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember setiap tahun. Wakil daripada Jabatan Audit Negara mempunyai akses secara langsung kepada ahli-ahli Jawatankuasa Audit untuk membangkitkan sebarang perkara yang timbul daripada semakan mereka, dan Jawatankuasa Audit juga boleh berhubung dengan Jabatan Audit Negara sekiranya perlu. Adalah menjadi kebiasaan bahawa semua dokumentasi yang berkaitan turut disediakan kepada Jabatan Audit Negara bagi menyokong pemantauan dan tadbir urus yang efektif.

⁹ Ketetapan ini berkuat kuasa bagi penilaian kualiti yang bermula pada atau selepas 9 Januari 2025

Bidang Fokus Strategik Tahun 2025

Kesediaan Resolusi

Lembaga Pengarah memberikan tumpuan khusus terhadap peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi dalam memastikan keberkesanan rejim resolusi serta tahap kesediaan PIDM dalam melaksanakan resolusi terhadap institusi ahlinya.

Selain daripada pelaksanaan inisiatif berterusan yang berkaitan kesediaan resolusi seperti yang diperincikan dalam Rancangan Korporat PIDM, Lembaga Pengarah turut memberi perhatian terhadap perkara-perkara resolusi melalui mesyuarat khusus Lembaga Pengarah yang membincangkan isu-isu berkaitan resolusi dan institusi ahli. Di samping itu, sesi pembelajaran berterusan untuk Lembaga Pengarah turut dijalankan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan untuk memenuhi peranannya dalam aspek resolusi dengan efektif.

Pengurusan memastikan bahawa PIDM sentiasa bersedia dari segi operasinya untuk melaksanakan resolusi apabila diperlukan, serta menyokong Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Selain rangka kerja dan proses resolusi yang diguna sebagai panduan pelaksanaan, PIDM turut membangunkan matriks khusus berkaitan kuasa intervensi dan resolusi. Matriks ini memperincikan bidang kuasa khusus Lembaga Pengarah dan Pengurusan PIDM, serta peranan pihak lain dalam jaring keselamatan kewangan, iaitu BNM dan Kementerian Kewangan, dalam menguruskan intervensi dan resolusi institusi ahli.

Strategi Modal Insan

Lembaga Pengarah berperanan penting dalam memastikan strategi modal insan PIDM adalah sejajar dengan objektif korporat dan memperkukuh komitmen organisasi terhadap kemampanan jangka panjangnya. Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran menyokong Lembaga Pengarah dengan menyediakan pengawasan strategik terhadap inisiatif utama modal insan serta memantau tahap kesejahteraan dan keberkesanan keseluruhan kakitangan PIDM.

Strategi utama modal insan dan polisi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dibincangkan secara teliti bagi memastikan keselarasan dengan keperluan PIDM, serta mengambil kira trend pasaran luaran. Pendekatan menyeluruh ini memastikan pelaksanaan polisi dan strategi yang kukuh dan efektif, yang kritikal untuk kesediaan PIDM menghadapi masa depan dunia pekerjaan serta kesediaan resolusi. Ia juga merangkumi pengawasan terhadap struktur ganjaran yang kompetitif, keberkesanan kepemimpinan, peningkatan pelibatan kakitangan, serta sokongan terhadap pembangunan keupayaan secara berterusan.

Pelibatan Pihak Berkepentingan

Lembaga Pengarah menganggap pelibatan pihak berkepentingan amat penting dalam mencapai objektif PIDM. Kami terus mengamalkan proses yang memastikan pandangan pihak berkepentingan yang signifikan dipertimbangkan sewajarnya, khususnya dalam pembangunan polisi kawal selia yang efektif. Sebagai contoh, kertas perundingan dikeluarkan bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum garis panduan atau rangka kerja diterbitkan atau dipinda.

Kelestarian

Sebagai pihak berkuasa yang melindungi konsumer kewangan dan pihak berkuasa resolusi, mandat PIDM secara asasnya merangkumi tanggungjawab sosial melalui penyediaan sistem perlindungan yang menyeluruh kepada konsumer kewangan, di samping menggalakkan kestabilan sistem kewangan negara. Walaupun jejak karbon PIDM kecil, usaha berterusan tetap dilaksanakan bagi memupuk budaya kelestarian alam sekitar dalam kalangan kakitangan, termasuk menggalakkan amalan operasi yang lebih mampan.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan kekal komited untuk memperkukuh agenda kelestarian PIDM dengan mengambil kira mandat organisasi, sifat operasi serta struktur tadbir urusnya. Pendekatan ini adalah penting kerana ia sejajar dengan mandat serta peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli.

Keselamatan Siber dan Teknologi Digital

Lembaga Pengarah mengiktiraf keperluan untuk memperkukuh keupayaan teknologi PIDM serta meningkatkan daya tahan keselamatan siber, termasuk meluluskan peruntukan kewangan khusus bagi menyokong inisiatif strategik dalam menghadapi perubahan teknologi yang pesat serta peningkatan risiko ancaman siber.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan teknologi melalui sesi pembelajaran berkaitan teknologi dan keselamatan siber bagi memperkukuh fungsi pengawasan dan menyokong proses membuat keputusan yang tepat. Sesi ini penting untuk melengkapkan Lembaga Pengarah dengan kefahaman yang diperlukan untuk menyelia pemformalan polisi penggunaan pengkomputeran awan PIDM serta membuat keputusan dalam pelaksanaan inisiatif transformasi digital.

Lembaga Pengarah juga menyokong pelibatan sektor yang lebih meluas melalui penganjuran sesi perbincangan keselamatan siber sulung PIDM bersama pihak pengawal selia dan pihak berkepentingan industri. Inisiatif ini memperkukuh pengawasan melalui pelibatan pengawalseliaan dan menyumbang kepada kerjasama merentas sektor dalam perkara-perkara berkaitan keselamatan siber.

Lembaga Pengarah



Datuk Abu Huraira Abu Yazid
Pengerusi



Dato' Sri Abdul Rasheed Ghaffour
Pengarah Ex Officio



Datuk Johan Mahmood Merican
Pengarah Ex Officio



Datuk Dr. Yacob Mustafa
Pengarah Sektor Awam



Encik Razali Othman
Pengarah Sektor Awam



Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood
Pengarah Sektor Swasta



Dato' Dr. Gan Wee Beng
Pengarah Sektor Swasta



Encik Lee Kong Eng
Pengarah Sektor Swasta



Encik Toi See Jong
Pengarah Sektor Swasta




Encik Aznan Abdul Aziz
*Pengarah silih ganti kepada
Dato' Sri Abdul Rasheed Ghaffour*



Encik Imri Dolhadi Ab Wahab
*Pengarah silih ganti kepada
Datuk Johan Mahmood Merican*

Profil terperinci mengenai Lembaga Pengarah boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Struktur Organisasi PIDM



JAWATANKUASA EKSEKUTIF



Rafiz Azuan Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif



Afiza Abdullah
Naib Presiden Eksekutif



Lee Yee Ming
Naib Presiden Eksekutif



Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi
Naib Presiden Eksekutif

PENGURUSAN KANAN



Alex Lesley Balagurusamy
Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus



Arif Adnan Zain
Setiausaha Korporat



Chua Ee Leen
Ketua Juruaudit Dalaman



Soh Shey Yin
Kaunsel Am



Zufar Suleiman Abu Bakar
Ketua Pegawai Risiko



Bhuvaneswary Kinasamy
Ketua Pegawai Modal Insan



Jazimin Izzat Wan Zoolkifli
Ketua Perkhidmatan Operasi Kewangan



Lim Ying Sean
Ketua Pegawai Teknologi



Mohd Salihin Othman
Ketua Pihak Berkepentingan dan Pelibatan Strategik



Syed Edi Syah Syed Ramzan
Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat

Profil terperinci mengenai Jawatankuasa Eksekutif dan Pengurusan Kanan boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Perincian Kerja Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi Tahun 2025

Jawatankuasa Audit	
Pengerusi Puan Gloria Goh Ewe Gim	Ahli Encik Lee Kong Eng (Naib Pengerusi) Datuk Dr. Yacob Mustafa Dato' Dr. Gan Wee Beng
Perkara utama	
Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah: • Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan 2024 • Semakan terhadap Penandatanganan Yang Diberi Kuasa dan Syarat-syarat Pemberian Kuasa berkaitan Pembayaran, Penempatan dan Pelaburan • Cadangan Rangka Kerja Perakaunan dan Pendedahan bagi PIDM dan Anak Syarikatnya berkaitan Tindakan Resolusi yang Dilaksanakan oleh PIDM • Semakan Piagam Audit Dalamam • Semakan Program Pematuhan • Semakan Piagam Jawatankuasa Audit • Semakan Polisi Perolehan • Semakan Peraturan Perolehan bagi Badan Berkanun Persekutuan • Laporan Risiko Lembaga Pengarah – Penilaian Pengurusan Risiko Organisasi 2025 • Semakan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi dan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi • Semakan Polisi dan Prosedur berkaitan Pendedahan Maklumat kepada Orang Awam • Rancangan Korporat 2026 – 2028 • Rancangan Jabatan Audit Dalamam 2026 – 2027	Dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit: • Laporan Penilaian Tahunan terhadap Tahap Kawalan Dalamam Perbadanan bagi Tahun 2024 • Semakan Pematuhan terhadap Undang-undang bagi Tahun 2024 • Laporan Perolehan melalui kaedah Pemberian Tunggal (<i>Sole Sourcing Basis</i>) • Laporan dan Analisis Pelaburan serta Pengurusan Tunai Perbadanan • Laporan dan Laporan Setengah Tahun mengenai Perbelanjaan Pengarah, Pengerusi, Pegawai serta Perbelanjaan Berkaitan Perjalanan Urusan Antarabangsa • Pelan Antirasuah Organisasi PIDM 2025 – 2029 • Laporan Penilaian Keberkesanan Keselamatan Maklumat: Penilaian Kerentanan dan Ujian Penetrasi, <i>red-teaming</i> dan Latihan Simulasi Serangan Siber • Laporan Audit Dalamam • Kemas Kini Pelan Korporat dan Pelan Kewangan bagi Tempoh Berakhir 30 Jun 2025 • Semakan Tahunan terhadap Dana Sasaran di bawah Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans • Laporan Pengurusan Risiko Syariah 2025 • Pengurusan Risiko Keselamatan Siber • Laporan Pengurusan Risiko Rasuah 2025 • Penilaian Kawalan Dalamam yang dikemaskini • Pelan Audit Jabatan Audit Negara bagi Penyata Kewangan Perbadanan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025 • Penyata Kewangan Proforma bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025 • Laporan Operasi dan Prestasi Jabatan Audit Dalamam bagi Tahun 2025 • Laporan Operasi dan Prestasi Jabatan Pengurusan Risiko Organisasi bagi Tahun 2025 • Laporan Operasi dan Prestasi Jabatan Integriti dan Tadbir Urus bagi Tahun 2025 • Laporan Prestasi Jawatankuasa Audit berbanding Piagam Jawatankuasa Audit bagi Tahun 2025 • Prestasi berbanding Rancangan Korporat 2025

Jawatankuasa Tadbir Urus	
Pengerusi Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Ahli Puan Gloria Goh Ewe Gim Encik Razali Othman
Perkara utama	
Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah: • Draf Pendedahan Tadbir Urus untuk Laporan Tahunan 2024 dan bagi tujuan penerbitan di Laman Web PIDM • Semakan Polisi dan Prosedur bagi Pelantikan Penasihat Undang-undang Bebas Berasingan atau Penasihat Lain	Dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus: • Laporan Keputusan Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya serta Sokongan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah bagi Tahun 2024 • Perancangan Penggantian Lembaga Pengarah • Penilaian Prestasi Individu Pengarah • Program Pendidikan Lembaga Pengarah 2025 • Semakan Akta PIDM – Aspek Berkaitan Tadbir Urus

Jawatankuasa Tadbir Urus	
Perkara utama	
- Perancangan Penggantian Lembaga Pengarah - Semakan Profil Lembaga Pengarah - Semakan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah - Semakan Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah - Semakan Perihal Tugas bagi Ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah	- Perancangan Jadual 2026 - Laporan Pelaksanaan Tugas Jawatankuasa Tadbir Urus berdasarkan Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus bagi Tahun 2025

Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran	
Pengerusi Dato' Dr. Gan Wee Beng	Ahli Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood Encik Lee Kong Eng
Perkara utama	
Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah: - Semakan Rancangan Pengekalan Jangka Panjang - Semakan Polisi Pampasan dan Manfaat - Semakan Piagam Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran - Semakan Kelayakan Kewangan Biasiswa - Syor Gaji bagi Tahun 2026 - Jajaran Bonus Tahunan 2025 dan Penganugerahan Bonus kepada Kakitangan - Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator – KPI</i>) Ketua Pegawai Eksekutif bagi Tahun 2026 - Pemberian Bonus Ketua Pegawai Eksekutif bagi Tahun 2025	Dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran: - Laporan Status Modal Insan PIDM dan Inisiatif-inisiatif Utama - Pematuhan terhadap Polisi Utama Modal Insan dan Keperluan Perundangan - Laporan Mengenai Program Biasiswa - Laporan Pelaksanaan Tugas Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran berdasarkan Piagam Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran bagi Tahun 2025 - Laporan Prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan KPI Tahun 2025

Jawatankuasa Perancangan Penggantian	
Pengerusi Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Ahli Puan Gloria Goh Ewe Gim Dato' Dr. Gan Wee Beng
Perkara utama	
Pada tahun 2025, Jawatankuasa Perancangan Penggantian telah mengadakan tiga mesyuarat bagi membincangkan proses perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah.	